



KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM

# KENYATAAN MEDIA

## NRES EDAR SURAT PEKELILING STRATEGI PELAKSANAAN MENGHINDARI PLASTIK SEKALI GUNA

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) komited menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna (*single-use plastic - SUP*) yang memberi kesan negatif kepada kelestarian alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negara.

Komitmen ini diterjemahkan menerusi edaran **Surat Pekeliling Am Bilangan 6 Tahun 2024** berkaitan Strategi Pelaksanaan Menghindari Plastik Sekali Guna yang telah mula berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan iaitu pada 12 Julai 2024. Perkara ini juga telah dibentangkan dan diambil maklum oleh Jemaah Menteri pada 31 Julai 2024.

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk melaksanakan Strategi Pelaksanaan Menghindari Plastik Sekali Guna di Kementerian dan Jabatan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan dan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan sebagai langkah susulan Kempen yang telah mula diperkenalkan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2019.

Melalui Surat Pekeliling ini, semua pihak yang berkenaan hendaklah melaksanakan tindakan menghindari penggunaan plastik sekali guna di organisasi masing-masing semasa mesyuarat, majlis rasmi serta apa-apa program seperti berikut:

- i. menggantikan botol minuman plastik dengan botol kaca atau menyediakan jag air;
- ii. menggantikan pembalut plastik (*plastic wrap*) di piring/pinggan/mangkuk dengan penutup makanan yang boleh diguna semula;
- iii. tidak menyediakan pinggan/piring/mangkuk/cawan/kutleri bersifat sekali guna serta mengelakkan penggunaan straw plastik; dan
- iv. menyediakan *water dispenser* untuk kemudahan isian semula.

Selain itu, amalan-amalan baik seperti di bawah hendaklah diteruskan pelaksanaannya seperti:

- i. membawa bekas makanan, sudu, garpu dan penyedut minuman yang boleh diguna semula untuk kegunaan peribadi;
- ii. menggunakan beg *woven* atau beg khas yang boleh diguna semula semasa membeli makanan dan minuman di kafeteria;
- iii. menguar-uarkan amalan terbaik yang dilaksanakan di dalam semua platform komunikasi terutamanya media sosial;
- iv. menyediakan bahan promosi berbentuk infografik, video dan lain-lain pendekatan; dan
- v. memberikan penghargaan kepada organisasi dan warga kerja yang komited dalam mengurangkan penggunaan plastik sekali guna.

Melalui Surat Pekeliling Am ini, pelaksanaan Strategi Menghindari Plastik Sekali Guna boleh diperluaskan ke seluruh organisasi kerajaan dan swasta yang akan turut melibatkan institusi pengajian, agensi swasta dan organisasi atau pertubuhan bukan kerajaan.

NRES juga telah merangka inisiatif pelestarian plastik melalui Pelan Hala Tuju ke Arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 (Pelan SUP) dan Rangka Kerja Pelestarian Plastik Malaysia 2021-2030 (*Malaysia Plastics Sustainability Roadmap - MPSR*). Malah strategi menghindari plastik sekali guna telah mula dilaksanakan di Kementerian ini sejak 2018.

Tindakan-tindakan yang telah dan sedang berjalan ini adalah bertepatan dengan pelaksanaan pelbagai usaha Kerajaan untuk beralih ke ekonomi rendah karbon selaras dengan aspirasi pelepasan GHG sifar bersih negara pada tahun 2050. Selain memenuhi sasaran perubahan iklim negara, usaha-usaha ini diharap akan dapat memperbaiki sedikit sebanyak ekspektasi pelbagai pihak terhadap isu perubahan iklim seterusnya memastikan Malaysia tidak ketinggalan dan selari dengan perkembangan serupa di peringkat negara dan antarabangsa.

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM  
1 OGOS 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat I Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

